



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**14 SEPTEMBER 2022 (RABU)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**14 SEPTEMBER 2022 (RABU)**

# Trak minyak bergerak di negeri terlibat banjir

Langkah diambil KPDNHEP dan Petronas itu membolehkan orang ramai dapat akses bahan api dengan lebih mudah dan pantas

PUTRAJAYA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Petronas akan menempatkan trak perkhidmatan mengisi minyak bergerak, Petronas ROVR di negeri-negeri yang dilanda banjir.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, langkah berkenaan akan membolehkan orang ramai termasuk pasukan penyelamat mendapat akses bahan api dengan lebih mudah dan pantas.

"ROVR ini akan di gerakkan ke negeri yang mempunyai masalah gangguan bekalan bahan api berikutan banjir," katanya dalam sidang akhbar selepas Perhimpunan Bulanan KPDNHEP dan Penyampaian Dana Harta Intelek di sini pada Selasa.

Petronas ROVR adalah perkhidmatan mengisi minyak bergerak yang menggunakan trak yang membawa muatan bahan api berkapasiti 4,000 liter sehingga 11,000 liter.

Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia) menjangkakan Monsun Timur Laut 2022/2023 bermula pada November 2022 hingga Mac 2023. Musim Monsun Timur Laut kebiasaannya mengakibatkan hujan lebat yang sering menyebabkan banjir besar terutama di negeri-negeri pantai timur.

Kelantan, Terengganu dan Pahang dijangka mengalami hujan lebat monsun bermula November hingga



ALEXANDER

Disember 2022 manakala Johor, Sabah dan Sarawak dijangka berhadapan hujan lebat monsun bermula Disember 2022 hingga Januari 2023.

Nanta berkata, KPDNHEP juga akan membantu mangsa banjir dengan pengagihan makanan melalui program Foodbank.

"Program Foodbank ini kita kumpulkan bantuan dari pihak industri apabila musim tengkujuh kita edarkan makanan. Makanan dalam bentuk uncang 'retot' adalah antara yang akan diberikan kerana ia mudah diguna dan disimpan," katanya.

Pada majlis itu, Alexander turut menyampaikan Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0 kepada lima penerima dengan jumlah geran bernilai RM428,697.

Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0 adalah geran pembiayaan pemfailan harta intelek berjumlah RM4 juta bagi tempoh empat tahun bermula tahun ini hingga 2025 di bawah Rancangan Malaysia ke-12. - Bernama

"RETORT" FOOD PACKETS

## Ministry readies aid to cope with monsoon flood season

**PUTRAJAYA:** The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is prepared to provide food aid and other necessities to face the upcoming flood season.

Its minister, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, said his ministry in collaboration with Petronas would continue the mobile refuelling service, or ROVR, in flood-affected areas.

"We always make preparations like in previous years. We provide ROVR services in places that face the problem of petrol supply disruption. Not many, but priority is given to locations that need it."

"Besides that, we also continue to provide other assistance such

as the Foodbank, where collaboration with the industry continues through the provision of food assistance and other necessities.

"We have a collection centre for storing food items that is always ready to be distributed to face the monsoon season," he said after the ministry's September 2022 assembly meeting here yesterday.

Nanta said his ministry was also ready to collect food packets packed in a "retort" manner (rendering them shelf stable) to be disbursed to flood victims.

"This method has also been implemented for several years as a result of cooperation between industries and hotels to avoid food

waste. These retort food packets will be distributed because they are easier to store or use."

On Monday, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the District Disaster Management Committee (JPBD), chaired by district officials, would be activated immediately.

Its role in all disaster locations will also be strengthened to deal with this year's northeast monsoon, which is expected between this November and next March.

He said JPBD had an important function to carry out rescue work and deliver aid at disaster locations, while the National Disaster Management Agency and State

Disaster Management Committee coordinated efforts at the central and state levels.

Meanwhile, on the Intellectual Property Filing Fund 2.0, Nanta said 1,181 applications had been received by the Malaysian Intellectual Property Corporation.

"Of that number, 543 applications have been approved with a grant amounting to RM428,697. We are also confident that the target of 2,000 applications can be reached by the end of this year."

The Intellectual Property Filing Fund 2.0 sees an allocation of RM1 million provided annually, from this year until 2025, under the 12th Malaysia Plan.



Datuk Seri Alexander Nanta Linggi

## PETRONAS to deploy mobile refuelling trucks

**PUTRAJAYA:** Collaboration will be made with PETRONAS to deploy its mobile refuelling trucks during the monsoon flood season, said Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

He said the collaboration would allow the public as well as rescue teams to get easy and speedy access to fuel.

"The PETRONAS ROVR will be mobilised to states that might face fuel supply disruptions due to floods," he said after the ministry's monthly gathering and the presentation of the intellectual property fund yesterday.

Petronas ROVR is a mobile refuelling service delivery using trucks that carry between 4,000 and 11,000 litres of fuel.

The Malaysian Meteorological Department expects the monsoon season to start in November and carry on until March next year.

Nanta said the ministry would also assist flood victims by distributing food through the Foodbank Programme.

"Food in retort packaging will be distributed, among others, because it is easy to use and store," he said.

## Refuelling trucks to be deployed during flood season

**PUTRAJAYA:** The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is collaborating with Petronas to deploy its mobile refuelling service trucks, the Petronas ROVR, during the monsoon flood season.

Its minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the move will allow the public, including rescue teams, to get easy and speedy access to fuel.

"The ROVR will be mobilised in states that might face fuel supply disruptions due to floods."

He was speaking at a media conference after the ministry's monthly gathering and a presentation ceremony of the intellectual property fund yesterday.

Petronas ROVR is a mobile refuelling service using trucks that carry between 4,000 and 11,000 litres of fuel.

The Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) expects the 2022/2023 monsoon season to start in November and last until March 2023.

The monsoon usually results in heavy rains, which cause major floods, especially in the east coast states.

According to MetMalaysia's forecast, heavy rains are expected in Kelantan, Terengganu and Pahang from November to December, while Johor, Sabah, and Sarawak are expected to face the monsoon from December to January.

Nanta said the ministry would assist flood victims by distributing food through a Foodbank programme.  
- Bernama



SAHARUDDIN (kanan) memeriksa barang tiruan dirampas selepas serbuan ke atas tiga premis berasingan di Kuala Terengganu dan dua premis di Kuala Berang.

# Kantoi jual dalam TikTok, Facebook

Oleh Zatul Iffah Zolkipli  
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu merampas 3,461 pakaian dan beg berjenama disyaki tiruan bernilai RM68,040 dalam serbuan di dua lokasi, kelmarin.

Semua rampasan berkenaan hasil serbuan di Kuala Terengganu, manakala dua serbuan di Kuala Berang pada jam 2 petang.

Pengarahnya, Saharuddin Mohd Kia berkata, serbuan

2 ditahan KPDNHEP bersama barang disyaki tiruan RM68,400 aktif berniaga di media sosial

dilakukan hasil laporan daripada pemilik cap dagang berdaftar mengesyaki barang yang aktif diniagakan menerusi platform media sosial itu adalah tiruan.

"Bermula daripada PKP (Perintah Kawalan Pergerakan), kita perhati kebanyakan peniaga menggunakan platform Tik Tok dan Facebook untuk jualan.

"Mereka menggunakan Fa-

cebook dan Tik Tok mempromosi dan menjual barang dengan premis berkenaan dijadikan stor untuk menyimpan barang.

"Dalam serbuan ini, dua pemilik iaitu masing-masing seorang lelaki dan wanita berusia 30-an ditahan untuk siasatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Setor Ekspibit KPDNHEP Terengganu,

di sini, semalam.

Saharuddin berkata, kes terbabit disiasat mengikut Seksyen 102 (1) (c) Akta Cap Dagangan 2019 dan sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap barang atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Katanya, pihaknya menggesa orang ramal supaya berhati-hati dan tidak terpedaya dengan taktik peniaga tidak beretika apabila cuba mengambil keuntungan dengan cara mudah.

**Serbuan dilakukan hasil laporan daripada pemilik cap dagang berdaftar**

HARI : RABU  
TARIKH : 14/09/2022  
M/SURAT : 26



Saharuddin (tengah) menunjukkan barang tiruan berjenama yang dirampas ketika sidang akbar di Stor Eksibit KPDNHEP Terengganu pada Selasa.

## KPDNHEP rampas barang tiruan berjenama bernilai RM68,040

**KUALA TERENGGANU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu merampas sebanyak 3,461 barang berjenama disyaki tiruan bernilai RM68,040 pada Isnin.

Pengarahnya, Saharuddin Mohd Kia berkata, barang terdiri daripada beg tangan dan pelbagai jenis pakaian berjenama itu dirampas dalam tiga serbuan bersingungan di Kuala Terengganu serta Hulu

Terengganu yang diadakan serentak pada jam 2 petang.

Menurutnya, dua individu iaitu seorang lelaki dan seorang wanita tempatan berusia lingkungan 30-an turut ditahan bagi membantu siasatan.

"Operasi dijalankan susulan laporan daripada pemilik cap dagang berdaftar yang mengesyaki barang berkenaan yang aktif dinagakan melalui platform media sosial seperti Facebook dan TikTok adalah tiruan.

"Serbuan dilakukan oleh enam penguat kuasa KPDNHEP bersama wakil pemilik cap dagang berdaftar," katanya ketika sidang akhbar di Stor Eksibit KPDNHEP Terengganu, Chendering di sini pada Selasa.

Jelas Saharuddin, kes disiasat di bawah Seksyen 102 (1)(c) Akta Cap Dagangan 2019 kerana memiliki barang yang cap dagangan dipakaikan dengan salah bagi mak-sud perdagangan.

## Barang tiruan dijual di TikTok dirampas

KUALA TERENGGANU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu merampas 3,461 pakaian dan beg tangan disyaki tiruan dalam tiga serbuan berasingan secara serentak di negeri ini kelmarin.

Serbuan di dua premis di daerah Hulu Terengganu dan satu di bandar raya ini itu berjaya merampas barang-barangan tiruan anggaran nilai RM68,040.

Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd. Kia berkata, seorang lelaki dan seorang perempuan tempatan

berusia lingkungan 30-an turut ditahan bagi membantu siasatan.

"Operasi dijalankan susulan aduan pemilik cap dagang berdaftar yang mengesyaki barang berkenaan yang dinagakan melalui platform, TikTok merupakan tiruan.

"Serbuan dilakukan oleh enam pegawai penguat kuasa KPDNHEP dengan disertai wakil pemilik cap dagang tersebut," katanya pada sidang akhbar di Stor Penyimpanan KPDNHEP Terengganu di Chendering, di sini semalam.



SAHARUDDIN (kanan) memeriksa pakalan dan beg tangan disyaki tiruan pada sidang akhbar di Kuala Terengganu semalam.

## Imitation clothing, bags seized in Terengganu

**KUALA TERENGGANU:** The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry's enforcement division in Terengganu seized imitation clothing and handbags worth RM68,000 in raids conducted simultaneously at three locations on Monday.

Its director Saharuddin Mohd Kia said the raids were conducted at 2pm at two premises in Kuala Terengganu and one in Kuala Berang.

He said a man and a woman, both locals in their 30s, were arrested during the raids.

"The operation was conducted following a report from the registered trademark owners, who suspected their goods traded on social media were imitation goods.

"A total of 3,461 items, consisting of (imitation) branded clothing and handbags of various sizes were seized," he told a press conference here yesterday.

He advised the public to be wary of the tactics used by some traders who sell imitation branded goods for high profits. - Bernama

Bekalan tidak cukup di Melaka, peniaga naikkan harga hingga 80 sen

## Harga sayur naik sebab musim hujan

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

**MELAKA** — Harga sayur di negeri ini dikesan mula mengalami kenaikan termasuk sawi yang kini mencecah RM6.50 sekilogram sejak musim hujan melanda pada minggu lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar berkata, kenaikan harga itu didakwa berlaku disebabkan jumlah bekalan yang tidak mencukupi selepas kebanyakannya hasil tanaman rosak pada musim hujan.

Katanya, antara sayur yang mengalami kenaikan ketara adalah sawi, brokoli, kangkung dan kacang panjang.

"Cuaca hujan yang melanda negeri ini dan negeri-negeri pengeluar sejak minggu lalu menyebabkan banyak hasil tanaman pengeluar tempatan tidak menjadi dan rosak.



KPDNHEP mengesahkan kenaikan ketara harga sayur-sayuran di pasar di Melaka berikutan kekurangan bekalan.

"Kebanyakan sayur terpaksa didapatkan dari Pasar Borong Selayang dan Cameron High-

lands, jadi peniaga telah menaikkan harga sekitar 50 sen sehingga 80 sen," katanya ketika ditemui di

Ayer Keroh, di sini kelmarin.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kenaikan ketara dikesan

berlaku di pasar awam di Jasin apabila harga sawi mencecah RM6.50 sekilogram, manakala brokoli RM16 sekilogram.

"Kita telah membuat perbandingan kenaikan harga di tiga pasar besar utama iaitu di Pasar Awam Bachang, di sini dan Pasar Besar Jasin serta Pasar Besar Alor Gajah.

"Terdapat perbezaan harga yang ketara antara pasar di Jasin apabila sawi dijual pada harga RM6.50 sekilogram dan brokoli RM16 sekilogram, manakala di pasar Bachang masing-masing RM4.50 dan RM12," katanya.

Jelasnya, perbezaan dipercayai berlaku apabila peniaga tidak mendapat bekalan secara terus daripada pemborong, sebaliknya melalui orang kedua dan ketiga.

Katanya, KPDNHEP negeri akan terus memantau kenaikan harga yang berlaku bagi memastikan tidak ada pihak yang cuba mengaut untung berlebihan atau memperdayakan pengguna.

## Hujan punca harga sayur naik

**Melaka:** Peranan 'orang tengah' selain faktor cuaca diadakwa menjadi punca harga sayur di beberapa pasar di negeri ini, mengalami kenaikan harga mendadak hampir 10 peratus.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka Norena Jaafar berkata, kenaikan dikesan berlaku antara lima hingga lapan peratus membabitkan beberapa jenis sayur termasuk sayuran kampong.

"Hasil pemeriksaan di pasar sekitar negeri ini mendapati, tiga pasar termasuk di Merlimau, Jasin berlaku kenaikan harga antara 50 sen hingga 80 sen. Ia diadakwa berpunca perubahan cuaca dan musim hujan ketika ini.

"Antara sayur yang mengalami kenaikan harga adalah kacang panjang, sawi serta brokoli.



Selain faktor cuaca, kenaikan harga mungkin disebabkan ada peniaga yang mengambil bekalan sayur daripada pihak ketiga atau orang tengah".

Norena

"Alasan lain diberikan pemberong disebabkan faktor hujan," katanya selepas pertandingan persahabatan boling KPDNHEP bersama pengamal media Melaka di Pusat Boling Antarabangsa Melaka (MIBC), di sini, semalam.

Norena berkata, kebanyakannya bekalan sayur di negeri ini diperoleh dari Pasar Borong Selayang serta Cameron Highlands, Pahang.

"Selain faktor cuaca, kenaikan harga mungkin disebabkan ada peniaga yang mengambil bekalan sayur daripada pihak ketiga atau orang tengah.

"Jadi kita nasihatkan semua peniaga, jika boleh ambillah bekalan terus daripada pengeluar atau pemberong bagi mengelak berlakunya kenaikan harga," katanya kepada Harian Metro.

# Harga sayur di Melaka naik akibat hujan

Kenaikan sehingga lapan peratus itu dikesan sejak minggu lalu

Oleh NOR FARHANA YAACOB  
 MELAKA



Pengamal media dan kakitangan KPDNHEP Melaka yang menyertai Program Rakan KPDNHEP Jom Teguh Bersama di Ayer Keroh pada Isnin.

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka mengesan kenaikan harga sayur sehingga lapan peratus di tiga pasar utama negeri ini sejak minggu lalu.

Pengarahnya, Norena Jaafar berkata, ia berikutan faktor cuaca hujan berpanjangan sejak kebelakangan ini mengakibatkan tanaman sayur tidak menjadi di negeri-negeri pengeluar sayur.

Menurutnya, periksaan pegawai dan penguat kuasa di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di Bachang, Pasar Besar Jasin dan Pasar Besar Alor Gajah mendapati terdapat perbezaan harga yang ketara di ketiga-tiga pasar tersebut.

Ujarnya, antara sayur-

sayuran yang mengalami kenaikan harga sebanyak 50 sen hingga 80 sen termasuk kacang panjang, brokoli, sawi dan kangkung.

"Kita lihat permintaan sayur di negeri ini melebihi keupayaan pengeluar tempatan membekalkan secara kecil-kecilan dan ada yang terpaksa dibawa masuk dari Pasar Borong Selayang dan Cameron Highlands," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas pertandingan boling bersama pengamal media di Program Rakan KPDNHEP Jom Teguh Bersama di Ayer Keroh pada Isnin.

Tambah Norena, meskipun kenaikan kecil itu tidak dapat dielakkan disebabkan perubahan cuaca, namun pihaknya akan terus melakukan pemantauan agar tiada peniaga yang mengambil kesempatan.

Selain faktor cuaca,



Sayur-sayuran yang dijual di Pasar MBMB, Bachang turut mengalami kenaikan harga disebabkan faktor hujan.

katanya, kenaikan itu juga mungkin berlaku kerana ada peniaga yang mengambil bekalan sayur-sayuran daripada orang luar dan melibatkan banyak peringkat.

"Contohnya, harga

sawi di Pasar Besar MBMB ialah RM4.50 sekilogram berbanding RM6.50 di Jasin, sedangkan itu kawasan luar bandar, manakala brokoli masing-masing berharga RM12 dan RM16," ujarnya.

## KPDNHEP rampas 6,038 liter diesel cuba diseleweng



FOTO: KPDNHEP KEDAH

Sebanyak 6,038 liter diesel disita dalam serbuan di sebuah gudang tidak bernombor di Sungai Petani pada Isnin.

**SUNGAI PETANI** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah menumpaskan satu sindiket penyelewengan diesel bersubsidi dengan menyita 6,038 liter bahan bakar itu dalam serbuan di sebuah gudang tidak bernombor di sini pada Isnin.

Pengaruhnya, Affendi Rajini Kanth berkata, serbuan kira-kira jam 1 petang dilakukan sepasukan anggota penguat kuasa KPDNHEP Alor Setar itu adalah hasil daripada aduan orang awam dan risikan sejak dua minggu lalu.

Beliau menjelaskan, siasatan awal mendapati premis tersebut tidak memiliki lesen atau permit sah untuk menyimpan barang kawalan berkenaan di lokasi berkenaan.

"Semasa-serbuan dijalankan, gudang tersebut tidak beroperasi namun pe-

meriksaan lanjut mendapati sejumlah 6,038 liter minyak diesel berada di dalam tong fiber.

"Turut ditemui dalam gudang tersebut ialah 30 unit tong fiber dengan enam tong berisi diesel," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Tambah Affendi, minyak yang ditemui di gudang itu dipercaya dibeli daripada beberapa stesen minyak di sekitar kawasan Sungai Petani dan Gurun sebelum ia dijual semula kepada pihak industri.

Sehubungan itu, katanya, pasukan serbuan telah bertindak menyita minyak diesel berjumlah 6,038 liter diesel, hos paip dan pam elektrik dengan nilai rampasan dianggarkan RM21,470.

Menurutnya, kes disiasat mengikut 20(1), Seksyen 21 dan Peraturan 3(1) di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.



HARI : RABU  
TARIKH : 14/09/2022  
M/SURAT : 3

**Alor Setar:** Serbuan di sebuah gudang di sekitar Sungai Petani dekat sini, jam 1 tengah hari kelmarin, membawa kepada penemuan 6,038 liter diesel bersubsidi.

Serbuan dijalankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) hasil risikan selama dua minggu.

Pengarah KPDNHEP Kedah Affendi Rajini Kanth berkata, siasatan mendapati, diesel itu dibeli daripada beberapa stesen minyak di sekitar Sungai Petani dan Gurun sebelum dijual semula kepada pihak industri.

"Kami menyita diesel, hos paip dan pam elektrik berjumlah keseluruhan RM21,470 disimpan di gudang haram itu.



ANGGOTA KPDNHEP memeriksa sebahagian diesel bersubsidi yang disita di sebuah gudang di Sungai Petani.

## KPDNHEP serbu gudang simpan 6,038 liter diesel

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan," katanya pada kenyataan semalam.

HARI : RABU  
TARIKH : 14/09/2022  
M/SURAT : 9

## 6,038l of subsidised diesel seized

**ALOR STAR:** The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry seized 6,038 litres of subsidised diesel in an unnumbered warehouse in Sungai Petani on Monday. "The 1pm raid by five enforcement officers from the Alor Star office was carried out after intelligence and public complaints were gathered over the past two weeks," said the ministry's Kedah director, Affendi Rajini Kanth. He added the warehouse did not have a valid licence or permit to store controlled items at the premises. "Also seized were pipe hoses and electric pumps valued at RM21,470."

# Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : RABU  
TARIKH : 14/09/2022  
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

Ayam	RM7.99	Telur Gred A	RM12.90	Gula Pasir	RM2.85	Cili Merah	RM14
Daging Lembu Tempatan	RM39	Ikan Kembung	RM10.99	Bawang Besar Holland	RM2.99	Kubis Tempatan	RM4
Daging Lembu Import	RM54.90	Minyak Masak	RM7.45	Bawang Putih	RM5.89	Tepung Gandung	RM3.29

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(AGENSI KPDNHEP)**

---

---

**14 SEPTEMBER 2022 (RABU)**

# MyCC teliti fail semakan kehakiman kes PIAM

## Suruhanjaya sifatkan keputusan Tribunal Rayuan Persaingan boleh sebab kekeliruan

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mempertimbangkan pilihan, termasuk memfaikkan semakan kehakiman berhubung keputusannya dalam kes membabitkan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), dua tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Iskandar Ismail, berkata MyCC kini sedang menilai aspek lain berkenaan keputusan dikeluaran Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) membabitkan kes terbabit, termasuk memfaikkan semakan

kehakiman berkenaan.

"Ini kerana keputusan TRP mungkin menyebabkan kekeliruan mengenai tafsiran berhubung dengan perjanjian antipersaingan yang dibuat melalui persatuan.

"MyCC akan terus berusaha untuk melaksanakan mandatnya dengan cekap dan efektif berdasarkan komitmen untuk memastikan budaya persaingan kekal kondusif dan pasaran berfungsi dengan baik demi kepentingan pengguna, perniagaan serta ekonomi," katanya menurusi kenyataan, di sini, semalam.

Sebelum ini, TRP membenarkan rayuan PIAM dan 22 ahlinya terhadap keputusan MyCC yang mengenakan penalti kewangan apabila pihak terbabit memeterai perjanjian berhubung pemberian diskauan jual beli ke atas harga alat ganti dan kadar upah pekerja mengikut jam bagi kerja pembaikan ken-

deraan motor oleh bengkel di bawah *PIAM Approved Repairers Scheme* (PARS).

### Arahan bank

Pada masa sama, Iskandar berkata, BNM dan PIAM menegaskan bahawa perjanjian antipersaingan itu dibuat berdasarkan arahan bank terbabit.

Malah, katanya, ia adalah pembelaan yang dikemukakan oleh syarikat insurans kepada TRP, yang turut disokong BNM.

"MyCC ingin menegaskan bahawa TRP memutuskan bahawa suruhanjaya ini, mengikut sifat dan fungsi sinyanya sebagai badan separa kehakiman, diberi kuasa untuk mentafsir sesuatu peruntukan undang-undang sama ada ia relevan atau sebaliknya.

"Tafsiran undang-undang oleh MyCC yang memberi kesan terhadap bidang kuasa pengawal selia

yang lain tidak boleh menghalang suruhanjaya ini daripada melaksanakan tugasnya," katanya.

Beliau berkata, seterusnya, TRP memutuskan bahawa surat dikeluarkan BNM yang digunakan PIAM dan syarikat insurans tidak boleh ditafsirkan sebagai suatu arahan.

Katanya, malah TRP berpandangan bahawa surat itu tidak menggunakan bahasa yang tepat untuk ditafsirkan sebagai suatu arahan seperti yang dinyatakan BNM.

"Seterusnya, TRP juga memutuskan bahawa BNM tidak menyatakan dengan jelas dalam suratnya bahawa ia mengarahkan PIAM dan syarikat insurans untuk memasuki perjanjian terbabit.

"Selaras dengan hasil dapatan MyCC dalam keputusan akhirnya, TRP memutuskan bahawa surat itu hanya menggesa pihak terbabit untuk menyelesaikan pertikaian komersial, mempercepatkan rundingan dan mencapai persetujuan mengenai isu yang dibangkitkan," katanya.



Iskandar Ismail